



Khamis, 5 Februari 2015

1. 'Penceroboh tanah haram tukar taktik'

Cameron Highlands: Penceroboh tanah di sini menukar taktik dengan terus melakukan kesalahan itu dalam skala kecil bagi mengelak kegiatan mereka dikesan oleh pihak berkuasa yang kini giat menjalankan penguatkuasaan.

Taktik itu didedahkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highlands (REACH) yang meninjau sendiri beberapa kawasan kegiatan haram itu berlaku beberapa hari lalu.

Presidennya, R Ramakrisnan berkata, pihaknya mempunyai bukti pencerobohan dalam skala kecil termasuk di kawasan Lemoi berdekatan Lembah Bertam dan Batu 49 Kampung Raja.

"Kini kami sudah kurang mendengar kes pencerobohan tanah secara besar-besaran dan jika berlaku pun kami syak ia dilakukan di kawasan pedalaman.

"Namun, REACH mendapat maklumat daripada penduduk bahawa penceroboh meneruskan kegiatan itu dalam skala kecil di kawasan baharu.

"Saya sendiri pergi memeriksa satu dua kawasan didakwa diceroboh dan mendapati memang benar ia berlaku membabitkan kawasan baharu atau pembesaran kawasan lama yang sudah diteroka dalam skala kecil atau kawasan kecil dipercayai bagi mengelak pihak berkuasa mengesan kegiatan mereka.



Jumaat, 6 Februari 2015

2. 88 peratus warga kita bimbang pencen dalam miskin

KUALA LUMPUR: Krisis pencen Asia boleh menjadi lebih buruk apabila berjuta-juta pekerja yang mencipta keajaiban ekonomi rantau itu dijangka bergelut dengan usia tua mereka, demikian dedah satu kaji selidik HSBC.

HSBC dalam satu kenyataan hari ini berkata kaji selidiknya mengenai Masa Depan Persaraan menunjukkan hampir 70 peratus penduduk Asia bimbang kehabisan wang semasa persaraan mereka.

"Satu pertiga daripada mereka berkata mereka terpaksa mengurangkan tabungan bagi pencen mereka berikutan krisis kewangan global.

"Di Malaysia, 88 peratus bimbang tidak mempunyai wang mencukupi untuk kehidupan seharian mereka selepas bersara.

"Empat puluh satu peratus berkata membeli rumah dan membayar gadai janji menjejaskan keupayaan mereka untuk menabung bagi persaraan manakala 30 peratus lagi berkata membayar pendidikan anak-anak mengurangkan tabungan mereka," kata HSBC.

Kaji selidik itu yang dijalankan ke atas seramai 16,000 orang di 15 negara menunjukkan hanya peratusan kecil yakin boleh hidup selesa apabila mereka berhenti bekerja.

"Hanya 15 peratus responden dari Malaysia, sembilan peratus dari Singapura dan 11 peratus dari Hong Kong berkata mereka yakin dengan situasi kewangan mereka selepas bersara," HSBC.

Ketua bahagian perbankan runcit dan pengurusan harta HSBC Malaysia, Lim Eng Seong berkata penduduk Malaysia dijangka meningkat sebanyak 31.2 peratus dalam tempoh dua dekad akan datang mencecah lebih 37 juta menjelang 2030.

"Perkadaran mereka yang berusia 60 tahun ke atas diunjur mengatasi penduduk lebih muda yang berusia 0-14 tahun pada 2049.

"Bagi tempoh 20 tahun, usia pertengahan di Malaysia dijangka meningkat sebanyak 5.7 tahun daripada 26.0 tahun pada 2010 kepada 31.7 tahun pada 2030. Ini berbanding peningkatan 6.4 tahun di Asia dan 4.8 tahun di Eropah dalam tempoh sama," katanya. -



Isnin, 9 Februari 2015

3. PUNB sedia dana RM320j

Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) menyasarkan pembiayaan pinjaman berjumlah RM320 juta untuk disalurkan kepada usahawan Bumiputera yang berminat mengembangkan perniagaan, tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mohd Ali Rustam, berkata nilai pinjaman itu dipertingkatkan berikutan kepercayaan usahawan Bumiputera terhadap agensi itu dalam menyalurkan bantuan bagi membangunkan perniagaan mereka ke arah berprestasi tinggi.

Beliau berkata, tahun lalu PUNB menyalurkan pembiayaan pinjaman bernilai kira-kira RM290 juta kepada 707 usahawan dalam pelbagai sektor, antaranya automotif, perusahaan stesen minyak dan pendidikan.

"Semua usahawan yang menerima pinjaman ini juga didapati berjaya dalam bidang perniagaan masing-masing. Malah, PUNB berharap lebih ramai usahawan Bumiputera tampil membuat pinjaman, khususnya dalam sektor borong.

Bimbing usahawan teknik borong

"Masalah dihadapi usahawan borong adalah kesukaran mencari pemarkar. Atas inisiatif membantu usahawan sektor itu, PUNB menghantar wakil ke beberapa negara bagi membimbing usahawan terbabit mengenai teknik borong dan mencari pemarkar supaya dapat membantu mereka," katanya.

Mohd Ali berkata demikian pada sidang media Majlis Penyampaian Replika Cek kepada Usahawan PUNB dan Bantuan Sempena Perayaan Tahun Baru Cina di Mak Mandin, di Butterworth, semalam.

PUNB menetapkan jumlah pinjaman antara RM200,000 ke RM500,000 bagi setiap usahawan yang memohon, mengikut jenis perniagaan yang diusahakan.

Selain itu, Mohd Ali turut menyarankan usahawan PUNB supaya menurunkan harga kepada setiap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan selaras dengan penurunan harga minyak sejak Disember tahun lalu.

Katanya, usahawan PUNB juga perlu menyahut saranan penurunan harga itu supaya pelanggan mereka mendapat harga yang berpatutan.

"Ini juga satu langkah yang baik bagi mengekalkan pelanggan sedia ada, bahkan menambah hasil jualan yang dapat memajukan perniagaan yang diceburi," katanya.

4. Audit Malaysia Kongsi Pengalaman

Audit Malaysia kongsi pengalaman

Melaka: Sistem Indeks Akuntabiliti (AI) yang diperkenalkan Jabatan Audit Negara sejak tahun 2008, menerima perhatian banyak negara, termasuk Amerika Syarikat yang menunjukkan minat untuk mempelajarinya.

Tumbalan Ketua Audit Negara Sektor Audit Negeri, Datuk Mustafa Saman, berkata pihaknya menerima banyak pertanyaan daripada jabatan audit luar negara mengenai sistem berkenaan.

Katanya, Malaysia adalah negara pertama di dunia mengamalkan sistem AI yang memberi penarafan berdasarkan jumlah bintang yang diberi sehingga empat bintang.

"Terdapat juga delegasi daripada Persidangan Pertubuhan Audit Negara Asia (ASOSAI) yang bertanyakan kepada kita mengenai sistem ini dan kita akan membentangkan mengenalinya di simposium persidangan berkenaan esok (hari ini)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan sosial bersama 191 delegasi daripada 43 negara yang menyertai ASOSAI ke-13 di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Melaka di sini, semalam. Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Wira Naim Abu Bakar.

Jabatan Audit Negara me-



Sebahagian peserta **Persidangan Pertubuhan Audit Negara Asia** diberi penerangan mengenai operasi Pusat Transformasi Bandar (UTC) Melaka, semalam. (FOTO: AMIR AYO NOR AZMAN/BH)

laksanakan Sistem Rating Audit berasaskan kepada AI bagi menilai sejauh mana pengu- rusan kewangan Kementerian, jabatan, badan berkanun, pi- hak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan mematuhi se- gala undang-undang dan per- aturan kewangan kerajaan.

Mustafa berkata, pada sim- posium selama dua hari ber- mula esok (hari ini), tumpuan proses pengauditan.

Sementara itu, Naim berka- ta, pada tahun lalu, sebanyak lapan jabatan kerajaan negeri menerima penarafan empat bintang, termasuk Jabatan Ke- tua Menteri dan Jabatan Aga- ma Islam Melaka.

Sehubungan itu, katanya, pi- haknya menasabah 10 jabatan kerajaan negeri akan mene- rima penarafan sama pada ta- hun ini.

Kongsi pengalaman

Katanya, setiap negara akan dijemput berkongsi pengala- man dalam pengauditan, ter- masuk perisian yang diguna- kan bagi mempercepatkan proses pengauditan.

BERITA HARAPAN
12/2/2015

5. Kawal sikit pengaliran modal

Pada 11 Februari lalu, surat khabar kita lapor InvestKL kata lebih banyak syarikat asing akan buka ibu pejabat serantau di negara kita. Alhamdulillah. Itu yang kita nak dengar dalam suasana ekonomi dunia yang tak menentu dan kita pun dah mula rasa tempiasnya.

InvestKL adalah agensi kerajaan yang dibagi tugas tarik syarikat multinasional (MNC) tubuh pejabat serantau di Kuala Lumpur dan sekitarnya.

Matlamatnya ialah tarik sekurang-kurangnya 100 buah syarikat macam ini menjelang tahun 2020. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zainal Amanshah kata, setakat sekarang 38 MNC dengan 6,000 lebih kakitangan dah tubuh ibu pejabat serantau. Mereka belanja dekat RM640 juta.

Kunta Kinte percaya semua orang dah tahu kalau bukan sebab pelaburan asing, ekonomi kita tak akan tumbuh pesat dan jadi besar macam selepas kita merdeka.

Sebelum merdeka pun ada pelaburan asing, tapi terhad kepada bijih timah dan besi, kelapa, getah dan kemudian sawit, perindustrian dan industri asas lain. Mulai pertengahan tahun 1960-an kita galakkan pelaburan langsung asing (foreign direct investment/FDI) dalam kegiatan pembuatan untuk ganti import.

Ekonomi bertambah kompleks

Sekarang bidang pelaburan kita cukup luas dan dalam. Ekonomi kita pula tambah kompleks dan canggih. Selain pengilangan dan industri asas, kita juga ada sektor perkhidmatan yang berkembang pesat.

Tapi ada satu aspek gelap dan merisaukan dalam hal pelaburan dan pengaliran modal yang Kunta Kinte dah sebut sekali dua iaitu kedudukan kita sebagai pengekspor bersih (net exporter) modal. Maksudnya lebih banyak modal keluar daripada masuk. Ceritanya lebih kurang macam ini. Orang kita guna modal tempatan untuk berniaga dan buat untung. Bila untung, mereka bawa keluar sebahagian atau semua keuntungan untuk dilabur di luar negara.

Orang asing pula bawa masuk modal yang kita panggil FDI untuk berniaga. Bila ada keperluan atau peluang mereka pinjam modal dalam negara. Bila untung, mereka bawa keluar untuk dilaburkan di negara asal mereka atau di negara lain.

Kita kena faham bukan semua modal yang orang asing dan syarikat asing guna di negara kita dibawa masuk dari luar. Banyak juga yang dipinjam atau dikutip daripada sumber tempatan melalui pengeluaran saham.

Akibat pengaliran modal yang tak seimbang ini, negara kita sejak tahun 2005 jadi negara pengeksport bersih modal. Keadaan ini merugikan dan berbahaya. Untuk tarik FDI kita kena belanja banyak duit buat promosi. Kita kena bagi macam-macam galakan dan kelonggaran kepada pelabur asing.

Pelabur asing pula tak ada taat setia. Mereka labur untuk buat untung. Jadi mereka akan bawa keluar modal mereka bila-bila masa kalau negara kita tak lagi hasilkan keuntungan yang mereka harapkan.

Kalau pemodal asing tak ada taat setia kepada negara tuan rumah, apa halnya dengan orang kita dan syarikat kita yang bawa keluar berbilion-bilion ringgit tiap tahun untuk simpan, beli harta dan berniaga di luar negara? Malangnya inilah realiti dunia global tanpa sempadan. Modal bergerak keliling dunia 24 jam sehari melalui kegiatan pasaran saham dan perniagaan mata wang.

Nak salahkan orang dan syarikat yang bawa keluar modal pun tak tepat juga. Lagi-lagilah apabila syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan tabung berkaitan kerajaan (GLIC) sendiri bawa keluar berbilion-bilion untuk labur di luar negara.

Sebenarnya, bagi sebuah negara membangun kita ada banyak modal. Salah satu sebabnya ialah kadar tabungan kita tinggi. Tapi bukan semua orang ada simpanan. Ramai yang tak ada simpanan langsung.

Cari untung lebih besar

Sejak satu dua dekad ini, banyak syarikat swasta dan awam melabur di luar negara sebab nak cari untung lebih besar dan juga kerana peluang dalam negara makin terhad. Kita tengok macam mana PETRONAS, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), FELDA dan Tabung Haji labur berpuluh-puluh bilion ringgit di luar negara.

Kita tak boleh sekat aliran ini. Lagi pun, kita sendiri mahu syarikat-syarikat kita jadi syarikat MNC. Cuma kita kenalah waspada takut yang kita kejar tak dapat, yang kita kendong berciciran. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar sekarang kita tak mahu terjadi keadaan di mana kera di hutan disusui, anak di rumah mati kelaparan. Jadi, Kunta Kinte setuju dengan arahan supaya GLC dan GLIC jangan galak sangat bawa keluar modal untuk labur di luar negara.

Lagi-lagilah kita tak mahu kelonggaran masuk dan keluar duit serta modal ini diambil kesempatan oleh kaki rasuah, tauke dadah dan judi haram, penyeludup dan tauke pelacuran untuk memutihkan wang pendapatan haram mereka. Wallahuaklam.



Isnin, 16 Februari 2015

6. Pasukan khas, SPRM siasat penyelewengan konsesi balak di Hulu Perak - Zambry

SERI MANJUNG: Kerajaan Perak menyerahkan kepada pasukan khas dianggotai Jabatan Perhutanan negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan siasatan lanjut dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang terbabit dengan kegiatan penyelewengan konsesi dan ses balak di daerah Hulu Perak.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata aspek paling penting bukan jumlah kerugian ditanggung kerajaan negeri tetapi membongkar kegiatan penipuan itu.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada pasukan khas itu yang ditubuhkan bagi menangani masalah pembalakan haram dan mengelakkan ketirisan akibat masalah itu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan 'Bicara Eksekutif' kepada penjawat awam di daerah Manjung di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan eksklusif BH semalam dan hari ini yang membongkar kegiatan penyelewengan bayaran konsesi dan ses balak di daerah Hulu Perak.

Zambry berkata, pasukan khas itu akan turut mengenal pasti dan mengambil tindakan susulan sekiranya ada kakitangan Jabatan Perhutanan terbabit dengan kegiatan itu.



Isnin, 16 Februari 2015

7. Perunding antarabangsa kaji TPP dipilih 3 minggu lagi - Mustapa

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memuktamadkan pemilihan firma perunding antarabangsa bagi melaksanakan Kajian Analisis Kos Manfaat Perkongsian Trans Pasifik (TPP) peringkat akhir dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata ia adalah kajian fasa kedua selepas kajian peringkat awal dilaksanakan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) dan PriceWaterhouseCoopers (PwC) sebelum ini.

"Secara umumnya kajian itu tertumpu kepada empat perkara iaitu, impak TPP kepada kedaulatan negara, kesannya kepada industri kecil dan sederhana (IKS), kesannya kepada Bumiputera dan kesan sekiranya negara tidak menyertai TPP.

"Kita perlukan firma yang ada penghubungan dengan pakar antarabangsa bagi mendapatkan maklum balas sama ada wajar atau tidak bagi negara menyertainya. Sungguhpun ia firma antarabangsa tetapi kakitangannya adalah warga Malaysia," katanya selepas Sesi Perjumpaan Khas MITI Dengan Ketua Perwakilan Asing di sini hari ini.

Kajian Analisis Kos Manfaat TPP dilaksanakan dalam dua fasa.

Fasa pertama membabitkan kajian peringkat awal kepentingan negara berhubung pembabitkan Malaysia dalam rundingan TPP dilaksanakan ISIS, manakala Kajian Analisis Kos Manfaat TPP ke atas Bumiputera dan IKS dilaksanakan PWC yang dilantik Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

Sungguhpun, tajuk kedua-dua kajian fasa pertama itu berbeza tetapi secara amnya kajian yang dijalankan membabitkan kepentingan negara dan impak TPP ke atas negara, termasuk impak terhadap syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Hasil kajian fasa pertama adalah bersifat interim, manakala kajian fasa kedua hanya akan dilaksanakan selepas teks rundingan dimuktamadkan.

Berhubung perjumpaan khas itu, Mustapa berkata ia adalah pertemuan tahunan ke enam dianjurkan MITI. Taklimat itu memberi maklumat terkini berhubung tinjauan ekonomi negara, perdagangan dan pelaburan, serta keutamaan strategi MITI sepanjang 2015.

Antara maklumat yang disampaikan ialah peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dalam menggerakkan inisiatif ekonomi di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), pengukuhan asas IKS di negara ini, misi perdagangan untuk tahun ini, dan tumpuan kepada sektor perkhidmatan.

Berhubung RMK11, beliau berkata kerajaan sedang menyiapkan butiran pelan itu yang akan dibentangkan di Parlimen Jun ini.



Selasa, 17 Februari 2015

8. Hanya pendidikan satu aliran mampu harmonikan kaum

Usaha mengintegrasikan masyarakat majmuk di negara ini bukan proses mudah. Setiap bangsa telah ditakdirkan untuk menjalani hidup yang berpisah- pisah sejak zaman kolonial melalui konsep 'pecah dan perintah.'

Apabila negara mencapai kemerdekaan, pemimpin politik awal yang mewakili tiga bangsa utama di Semenanjung, tidak pula memilih suatu elemen penyatuan, umpamanya melalui sistem pendidikan kebangsaan yang tunggal, seperti yang dilakukan oleh Thailand dan Indonesia.

Maka setiap bangsa mempunyai sistem pendidikan masing-masing. Mereka gunakan bahasa yang berbeza-beza. Mereka membaca bahan media yang berlainan. Pendekkata, hampir tiada titik pertemuan yang membolehkan kita membuat tanggapan positif mengenai masa depan integrasi nasional.

Hadapi masalah

Baru-baru ini, sejumlah remaja dan pemuda Cina secara terus terang memberitahu The Malaysian Insider, 'mereka menghadapi beberapa masalah dalam negara kerana ketidakupayaan itu dan ia membataskan komunikasi mereka dan menghadkan destinasi yang boleh dikunjungi.'

Mereka juga tidak berasa ada kaitan dengan bahasa Melayu yang dipelajari di sekolah secara menghafal. Seseengahnya juga berkata mereka tidak berasakan bahasa Melayu itu penting kerana ia tidak digunakan di negara lain.

Pengakuan ini menunjukkan pengetahuan sempit mereka mengenai penggunaan bahasa Melayu yang menjadi akar kepada bahasa Indonesia. Bahasa ini mempunyai kira-kira 300 juta penutur di seluruh dunia, khususnya di Asia Tenggara.

Akibatnya, pelajar seperti Katarina Law Jen-Yu (pengakuan dalam The Malaysian Insider) tidak boleh membina satu ayat lengkap dalam bahasa Melayu. Ia perlu menokok tambahanya dengan bahasa Inggeris. Pengakuan lain dibuat oleh Har Chee Hou, bekas pelajar Foon Yew Chinese Independent School di Johor.

Beliau menggunakan bahasa Melayu

yang teruk, termasuk 'bahasa rojak' ketika berkomunikasi dengan orang Melayu ketika membantu calon pilih raya ketika Pilihan Raya Umum 2013 (PRU13). Kebiasaan yang sama juga berlaku dalam kes Chan Kah Fai, bekas pelajar Pin Hwa High School, yang mencampurkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, ketika menjalankan tugas di pejabat perkhidmatan pelanggan di sebuah syarikat telekomunikasi.

Beberapa kes di atas hanyalah puncak aisberg kecil di mana realiti yang lebih besar dan menggerunkan berada di bawah permukaan kehidupan kita sebagai anggota masyarakat majmuk. Oleh sebab, belia masa kini akan menentukan hala tuju negara, termasuk isu perpaduan, sesuatu mesti dilakukan mulai sekarang bagi menangani gejala ini. Yang terbaik ialah mewujudkan hanya satu sistem pendidikan kebangsaan.

Tetapi, kita sudah terlewat. Politik berasaskan kaum di negara ini akan bergolak jika kepentingan sesuatu kaum dicabar kembali. Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar turut prihatin

akan isu ini. Katanya, lebih banyak aktiviti dan program perlu diadakan di antara pelajar sekolah rendah kebangsaan (SRK) dan sekolah rendah jenis kebangsaan (SRJK) bagi menggalakkan pergaulan dan interaksi kaum di Malaysia.

Beliau juga berkata langkah demikian perlu bagi mencapai lebih banyak titik pertemuan bersama, sekali gus meningkatkan penyatuan kaum di negara ini.

Polarisasi kaum

Sambil mengakui bahawa polarisasi kaum adalah antara masalah terbesar dihadapi negara hari ini, beliau berkata usaha kerajaan melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang antara lain bertujuan menyatukan rakyat Malaysia dilihat tidak dapat mencapai objektif berkenaan.

Usaha memecahkan polarisasi kaum, bagi mengadun integrasi, tidak cukup hanya melalui kegiatan berkala antara SRK dengan SRJK, atau program PKLN. Pendidikan yang terpisah-pisah memerlukan negara merancang program integrasi nasional yang menyeluruh, konsisten dan berjangka panjang.

Program ini harus babitkan semua golongan, terutama kanak-kanak dan remaja yang masih bersekolah. Jika bibit penyatuan kaum disemai sejak kanak-kanak, maka hasil integrasi dapat dituai ketika mereka remaja dan dewasa. Integrasi antara kaum yang mantap akan menjadi asas kepada kestabilan negara, yang boleh memacu pelbagai kemajuan dan perkembangan sektor kehidupan bangsa kita.



Isnin, 23 Februari 2015

9. Pertumbuhan perlahan fenomena kitaran, bukan perubahan asas ekonomi - MARC

KUALA LUMPUR: Asas ekonomi jangka panjang Malaysia dilihat tidak akan terjejas dengan jangkaan pertumbuhan perlahan tahun ini, kata Malaysian Rating Corp Bhd (MARC).

Mengikut agensi penarafan hutang itu dalam Kad Laporan dan Penilaian Risiko Malaysia 2014, peningkatan sementara dalam defisit bajet dan hutang kerajaan juga dilihat tidak akan menjejaskan prestasi ekonomi jangka panjang kerana usaha kerajaan untuk mengekang ketidakseimbangan akan membuahkan hasil positif pada masa depan.

Malah, kebergantungan terhadap pembiayaan luaran yang kecil serta tidak mempunyai rekod kegagalan membayar hutang oleh kerajaan juga menghadkan risiko tekanan hutang dalam tempoh sederhana.

"Kami berpendapat kelemahan dalam pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar pada 2015 adalah satu fenomena kitaran semata-mata, bukan perubahan dalam asas ekonomi. Pemulihan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang kukuh ketika ini dan peningkatan ekonomi maju lain dalam tempoh sederhana akan membantu Malaysia mencatat purata pertumbuhan KDNK sebenar 5.0 peratus," katanya.

MARC juga berpendapat, walaupun kedudukan hutang dalam sektor isi rumah akan berterusan, ia dilihat tidak akan memberi risiko sistemik dalam tempoh terdekat.

Jelasnya, hutang isi rumah sudah mencecah paras tingginya dalam kitaran semasa kerana langkah yang dilaksanakan Bank Negara Malaysia akan terus membendung hutang isi rumah daripada terus meningkat.

Lagipun, katanya, kewujudan jumlah wajar aset kewangan juga sebahagiannya akan mengimbangi kesan pembetulan yang ketara dalam pasaran kewangan seperti kejatuhan luar jangkaan harga rumah.

10. Jimat RM33j Wang Kerajaan

Jimat RM33j wang kerajaan

© ISININ 23 FEBRUARI 2015

BH

» **SPRM kesan mangsa banjir dipercayai buat tuntutan palsu**

Oleh **Nor Fazlina Abdul Rahim**
fazlina@bh.com.my

■ Kota Bharu

Suruhannya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan, boleh menjangkakan RM33 juta wang bantuan kerajaan selepas mangsa banjir 773 keluarga mangsa banjir di Kuala Krai dipercayai membuat tuntutan palsu mengenai kehilangan rumah.

Pengarahnya, Datuk Abdul Aziz Aban, berkata sejumlah wang itu dapat diselamatkan susulan perubahan jawatan-

kuasa Integriti Pengurusan Tabung dan Dana Banjir.

Katanya, sebelum jawatan kuasa itu ditubuhkan, 2,030 isi rumah mengisi borang memaklumkan kedalaman mereka musnah sama sekali akibat banjir Disember lalu.

Bagaimanapun, katanya, selepas penubuhan jawatankuasa berkenaan, pihaknya melampirkan surat akur janji pada borang berkenaan yang membolehkan pemohon didakwa mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009, sekiranya membuat pemohonan palsu.



Sejumlah wang itu dapat diselamatkan susulan penubuhan Jawatankuasa Integriti Pengurusan Tabung dan Dana Banjir”

Abdul Aziz Aban,
Pengarah SPRM Kelantan

daerah Kuala Krai dan kita tidak menolak kemungkinan pemohon membuat tuntutan palsu dan takut untuk mengembalikan borang, sekali-gus mampu menjimatkan wang kerajaan sebanyak RM33 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Keterlibatan Strategik Bersama Pemimpin Tertinggi Politik Sesi Taklimat Khas Kepada Ahli Parlimen dan ADUN Kelantan.

Penjimatan ketara
Abdul Aziz berkata, jumlah penjimatan itu dibuat berdasarkan anggaran kos bagi sebuah rumah bernilai RM40,000 hingga RM45,000. Katanya, penjimatan ketara itu dikesan selepas tertubuhnya jawatankuasa tersebut, sekali-gus menunjukkan perubahan positif terhadap kesedaran masyarakat mengenai keperluan membuat pengisytiharan musnah yang mereka alami.

BERTH HANEAN
23/2/2015

11. Sasaran didik penjawat awam bebas rasuah

Pelbagai pihak mula berbicara mengenai perlunya peruntukan berkaitan salah laku penjawat awam. Di sesetengah negara ia dikenali sebagai malfeasance in office. Yang terbaharu pandangan dilontarkan Panel Penilaian Operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai keperluan diadakan undang-undang salah laku penjawat awam. Ia adalah langkah positif dan relevan dengan perkembangan semasa.

Peruntukan ini perlu diwujudkan bagi memastikan keberkesanan usaha mencegah rasuah di Malaysia. Ia akan membantu Kerajaan Pusat yang melaksanakan beberapa inisiatif penambahbaikan bagi mencegah rasuah. Undang-undang ini juga akan menaikkan imej negara pada peringkat antarabangsa. Ia akan memperlihatkan keseriusan dan komitmen kerajaan dalam menangani rasuah.

Sudah pasti apabila bercakap mengenai peruntukan salah laku penjawat awam tumpuan akan menghalu ke arah model yang diamalkan Hong Kong dan Australia. Malaysia tidak semestinya menggunakan model negara berkenaan bulat-bulat. Ia boleh diubah suai mengikut acuan dan keperluan Malaysia.

Penjawat awam tidak perlu gerun dengan undang-undang ini jika diperkenalkan. Ia tidak bertujuan menganiaya, sebaliknya memandu mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik dan teratur.

Kita sedia maklum kekangan membawa anggota pentadbiran ke mahkamah dalam sesetengah kes di bawah undang-undang rasuah sedia ada. Contoh paling klasik adalah membabitkan masalah ketirisan dan pembaziran wang negara seperti didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Apabila Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan, ada pihak mempersoalkan prestasi pengurusan kewangan perkhidmatan awam. Pelbagai tanggapan dan tohmahan negatif dikemukakan.

Memperkasa SPRM

Satu peruntukan baharu yang konkrit diperlukan agensi penguatkuasaan dan pencegahan bagi membolehkan usaha pencegahan rasuah dilaksanakan dengan berkesan. Kita perlu serius dan komited membawa reformasi undang-undang yang relevan. Kita perlu memperkasakan SPRM menerusi reformasi undang-undang.

Peruntukan baharu ini bukan sahaja membantu meningkatkan keberkesanan SPRM, malah Jabatan Ketua Audit Negara yang berusaha memperbaiki sistem pengurusan kewangan agensi kerajaan. Peruntukan salah laku penjawat awam juga pasti akan menyumbang ke arah membantu menyelamatkan wang negara dan mengelakkan ketirisan.

Oleh kerana syor ini menimbulkan polemik, diharap semua pihak khususnya ahli politik menyokong saranan mewujudkan peruntukan salah laku penjawat awam.

Mengikut Panel Penilaian Operasi dan dua lagi badan bebas yang memantau SPRM - Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah dan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, undang-undang berkaitan salah laku perlu bagi membolehkan isu seperti ketirisan dan pembaziran dalam pengendalian kewangan agensi kerajaan diambil tindakan.

Jika mengambil kira pandangan panel itu, peruntukan ini penting bagi mengambil tindakan terhadap penjawat awam yang tidak berintegriti, amanah dan lewa dalam menjalankan tugas. Dalam kata lain, ia wajar disegerakan bagi membolehkan kita menangani isu berkaitan secara menyeluruh.

Difahamkan polemik sekarang adalah sama ada peruntukan ini perlu atau sebaliknya. Kedua, jika peruntukan ini merangkumi penjawat awam, adakah ia turut merangkumi anggota pentadbiran kerajaan seperti menteri. Sudah pasti hukuman jika disabitkan kesalahan juga menjadi persoalan.

Adakan dialog konstruktif

Adakah peruntukan salah laku penjawat awam perlu dipertimbangkan? Jawapannya wajar. Pertama, sesetengah kes membabitkan salah laku serius, yang bertentangan peraturan perkhidmatan sektor awam sehingga memudaratkan kepentingan rakyat, tidak dapat dibuktikan menerusi undang-undang berkaitan pencegahan rasuah. Justeru, perlukan undang-undang berbeza.

SPRM juga dari semasa ke semasa memberi nasihat yang dipanggil Laporan SPRM (LSPRM). Meskipun SPRM memberi syor dan pandangan dikenakan tindakan setimpal, adakala ia tidak sepadan dengan kesalahan atau pelanggaran yang dilakukan. Difahamkan tiada ikatan perundangan kukuh dalam perkara ini.

Pengenalan undang-undang ini juga akan membantu mengikis persepsi bahawa setiap pelanggaran peraturan awam berkaitan dengan rasuah. Orang ramai sendiri membuat tanggapan umum dan kadangkala beranggapan SPRM tidak mengambil tindakan di bawah Akta SPRM sedangkan tidak semua pelanggaran berakhir dengan dakwaan sebagai kes rasuah. Keadaan ini membawa imej negatif ke atas agensi penguat kuasa pencegahan rasuah itu.

Justeru, jika ada undang-undang yang membolehkan sesetengah kes dibawa ke mahkamah sebagai salah laku ketika menjawat kedudukan awam, sudah pasti ia memudahkan skop tindakan perundangan, pada masa sama meningkatkan kefahaman orang ramai, termasuk anggota pentadbiran awam.

Oleh kerana peruntukan disyorkan ini mencetuskan kegusaran banyak pihak, ada baiknya SPRM mengadakan perbincangan dengan semua pihak berkepentingan. Dialog konstruktif akan membolehkan pemahaman dan penerimaan semua pihak. Semangat peruntukan ini jika dilaksanakan akan membawa lebih banyak manfaat kepada rakyat dan negara dalam jangka panjang.

12. Usahawan Bumiputera perlu rebut potensi AEC

Perlu diingat, Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) bukan sekadar Forum silaturahmi antara negara-negara ASEAN, tetapi juga sebagai platform persaingan ekonomi.

Jika dibandingkan dengan usahawan beberapa negara ASEAN lain seperti Thailand, Indonesia dan Singapura, kita dapati usahawan Malaysia masih kurang bersedia menghadapinya. Ini terserlah daripada seminar atau forum mengenai kepentingan AEC yang dilaksanakan sama ada oleh agensi kerajaan mahupun pertubuhan bukan perniagaan dalam kalangan usahawan tempatan.

Bagi usahawan Bumiputera pula, setiap kali diajukan pertanyaan berkenaan persediaan untuk menghadapi AEC ini, jawapan yang sering diperoleh ialah 'tidak bersedia dan tidak mampu bersaing'. Lebih menyedihkan tidak sedikit yang menjawab mereka tidak tahu apa itu AEC.

Baru-baru ini, Penaung Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia (PPIP), Datuk Seri Raja Nong Chik menjelaskan, pada masa ini Usahawan Industri Kecil Sederhana Bumiputera masih belum bersedia menghadapi AEC. Isu yang diutarakan adalah kekangan dari segi peningkatan kos pengeluaran.

Persoalan sekarang bila agaknya usahawan Bumiputera akan bersedia? Apakah wujud satu jawapan tepat bila tarikh usahawan Bumiputera bersedia? Namun yang nyata tahun ini adalah tahun pelaksanaan AEC. Dengan lain perkataan, hendak atau tidak, usahawan Bumiputera dan seluruh usahawan negara ASEAN akan berhadapan pelaksanaannya.

Saiz pasaran menguntungkan

Dengan lebih 620 juta orang menetap di rantau ini atau 10 peratus daripada komuniti dunia, AEC mampu memacu kuasa ASEAN untuk membentuk pasaran ekonomi ketiga terbesar dunia. Pasaran dimiliki ini berupaya mengatasi negara kuasa besar serta negara kesatuan lain termasuk Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (EU).

Jika ASEAN adalah sebuah negara, ia akan menjadi pasaran ekonomi ketujuh terbesar di dunia dengan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KNDK) dijangkakan mencecah AS\$4 trilion (RM14.4 trilion) menjelang 2020. Kesepaduan ASEAN dari segi ekonomi akan memberi manfaat besar kepada usahawan.

Persoalan sekarang apakah strategi atau langkah yang harus diambil oleh usahawan Bumiputera untuk meraih potensi yang besar itu? Juga timbul persoalan apakah usahawan Bumiputera kita berdaya saing menghadapi usahawan negara ASEAN lain yang akan bermain di pentas yang sama?

Segala ini harus dijawab dan diaturkan strategi dengan pantas dan segera. Hari ini bukan masanya lagi untuk usahawan Bumiputera leka dengan tradisi budaya 'tunggu dan lihat'. Jika inilah yang masih mencorakkan budaya keusahawanan usahawan Bumiputera, maka pastinya AEC mungkin adalah tsunami bagi perniagaan usahawan Bumiputera.

Atasi kelemahan usahawan Bumiputera

Kelemahan utama yang sering dihadapi oleh usahawan Bumiputera ialah tiada kekuatan untuk memasarkan barangan mereka terus tanpa melalui pihak ketiga (orang tengah). Hal ini berlaku kerana mereka kekurangan maklumat lengkap berkenaan membeli atau pemborong dan kelemahan menguasai ilmu ICT, e-dagang, k-ekonomi dan yang bersangkutan.

Bagi membantu usahawan negara, MATRADE telah merangka program yang dinamakan Go Eksport yang dilihat mampu mewujudkan lebih ramai usahawan Bumiputera sebagai pengeksporth. Langkah ini juga amat bertepatan bagi meraih potensi AEC.

Melihat potensi AEC, usahawan Bumiputera harus bertukar cara berfikir dan cara strategi berniaga. Pentas AEC adalah satu kemewahan pasaran yang boleh dimanfaatkan. Penting sekali, usahawan Bumiputera harus memiliki pelan perancangan strategik pasaran ASEAN untuk mencipta keuntungan daripada keterbukaan pasaran AEC ini.

Usahawan Bumiputera mestilah mempunyai kekuatan dari segi jati diri, daya saing, melihat peluang, ketelusan berurus niaga dan membina etika berniaga. Kebanyakan usahawan Bumiputera mempunyai semangat dan cita-cita tinggi untuk memasarkan hasil keluaran mereka ke luar negara, namun yang menjadi faktor utama kegagalan mereka berbuat demikian ialah kurang arif berhubung prosedur, dasar, cara yang betul untuk mengeksporth, komunikasi dua hala, politik semasa, senario pasaran, tidak mempunyai rangkaian perniagaan yang kukuh dan strategi pemasaran atau promosi yang lemah.

Kelemahan yang dikenal pasti antara penyumbang utama usahawan Bumiputera gagal dalam memasarkan produk mereka ke luar negara ialah sikap suka bergantung harap kepada kerajaan untuk membantu mereka dalam semua perkara daripada membuka perniagaan sehinggalah ke peringkat memasarkan keluaran kepada pembeli atau pemborong.

Usahawan Bumiputera bersikap 'tunggu dulu', 'sabar tak akan lari gunung dikejar', 'kalau ada rezeki tak akan ke mana' dan menyebabkan mereka ketinggalan jauh dalam bidang ekonomi. Budaya keusahawanan ini tidak membantu daya maju perniagaan dan budaya ini pastinya menjadikan kita orang asing di negara sendiri menjelang AEC dilaksanakan sepenuhnya.

Kebaikan, kemurahan dan kesungguhan kerajaan untuk membantu usahawan Bumiputera memang tidak dinafikan dari dahulu sehinggalah sekarang. Program Go Eksport dan program e-trade yang dikendalikan oleh MATRADE adalah inisiatif bagi melonjakkan pengukuhan daya saing syarikat tempatan dalam pasaran asing termasuk pasaran ASEAN.

Kedua-dua inisiatif ini membabitkan program bantuan khusus yang distruktur mengikut kemampuan setiap syarikat yang mengambil bahagian bagi meningkatkan kemahiran eksport syarikat tempatan khususnya usahawan Bumiputera. Program pembangunan pengeksport muda pula ialah satu program khusus untuk usahawan muda bagi membangunkan usahawan pelapis yang berkemampuan untuk menembusi pasaran eksport.

Kesempatan ini adalah satu peluang bagi usahawan Bumiputera memanfaatkan program persediaan meraih potensi AEC. Justeru, usahawan Bumiputera yang masih belum berdaftar dengan MATRADE perlulah segera mendaftarkan diri.

Kerajaan tidak pernah berputus asa untuk mencari jalan, membuka idea, mencari peluang untuk diberikan kepada usahawan Bumiputera. Sehingga ke hari ini kekuatan usahawan Bumiputera dalam bidang ekonomi amat bergantung sepenuhnya kepada kerajaan dalam semua bidang.

Agenda memperkasakan ekonomi Bumiputera membuktikan kemurahan dan kesediaan kerajaan terus menerus membantu ekonomi Bumiputera.

Ubah strategi perniagaan

Usahawan Bumiputera tidak boleh meneruskan perniagaan seperti sedia ada tetapi harus mulai membentuk langkah strategik yang mampu meraih peluang AEC. Apakah strategi yang boleh diambil agar mampu berdaya saing di tengah-tengah atmosfera AEC?

Antara strategi yang dapat dilakukan dalam menghadapi AEC adalah usahawan Bumiputera harus menyediakan dan mempunyai pelan strategik perniagaan dengan tujuannya untuk menciptakan keunggulan daya saing sebagai faktor yang membezakan perusahaannya dengan pesaingnya. Langkah ini mampu memberikan kedudukan unik di pasaran sehingga unggul bersaing dengan usahawan ASEAN lain.

Pelan strategik perniagaan adalah hala tuju tindakan yang disusun oleh usahawan untuk mencapai misi, sasaran, dan tujuan perusahaan. Ada tiga pilihan strategik.

Pertama, strategi penjimatan kos pengeluaran yang membawa erti, usahawan harus berusaha menjimatkan kos pengeluaran dengan biaya paling rendah dibandingkan dengan pesaingnya dalam industri sama.

Keduanya, keunikan produk, iaitu usahawan harus berusaha membangunkan kesetiaan pelanggan melalui penempatan produk atau perkhidmatan secara unik atau berbeza dan ketiganya, strategi bangunkan kualiti, iaitu yang dilakukan perusahaan untuk fokus terhadap kualiti produknya daripada kuantiti.

Strategi kedua ialah peka dengan perubahan budaya AEC itu sendiri. Usahawan Bumiputera harus mulai mempelajari dan memahami budaya AEC serta peka terhadap perubahan budaya perniagaannya. Perkembangan arah aliran dan teknologi mengakibatkan begitu cepatnya perubahan yang terjadi dalam semua sektor perniagaan.

Usahawan yang tidak bersiap sedia tentu akan berhadapan masalah bersaing dan akhirnya akan mengalami kemunduran di pasaran. Dengan selalu mengasah kepekaan terhadap perubahan, maka usahawan akan mudah menentukan sasaran, cara dan mencapai hasil yang sudah ditetapkan sesuai dengan arah aliran dan keadaan persaingan.

Strategi ketiga ialah pengukuhan jenama produk atau perkhidmatan. Saiz pasaran AEC adalah rezeki luas untuk usahawan Bumiputera memperkenalkan dan memperkukuhkan jenama produk atau perkhidmatan.

Pengukuhan jenama

Pengukuhan jenama, akan mencipta peluang produk usahawan Bumiputera untuk menguasai pasaran AEC. Tidak kiralah sebesar mana pun atau sekecil mana pun syarikat atau produk itu, jenama akan membuatkan ia bernilai. Jenama adalah satu-satunya cara paling efektif dalam menguasai pasaran. Jenama akan membantu membentuk identiti syarikat dan produk.

Banyak jenama Malaysia telah berjaya menembusi pasaran ASEAN dan langkah pengukuhan jenama ini adalah satu strategi yang wajar dilakukan. Jenama Upin Ipin adalah contoh terbaik yang boleh diteladani usahawan Bumiputera.

Jika ketiga-tiga strategi diatas dapat dilaksanakan oleh usahawan Bumiputera, maka AEC akan menjadi satu pasaran lumayan. Kesiediaan usahawan Bumiputera mengubah strategi berniaga dijangka membolehkan mereka meraih manfaat potensi AEC. Jika ini berlaku AEC bukanlah hal yang menakutkan bagi usahawan Bumiputera, malah akan menjadi cabaran dan peluang untuk perniagaan mereka.

Tentunya, ketiga-tiga strategi itu perlu dilaksanakan secara berterusan. Matlamat akhir pembentukan strategi ini adalah untuk menjadikan AEC menguntungkan usahawan Bumiputera.

Harus disedari sama ada AEC bakal membawa keuntungan atau kerugian kepada usahawan Bumiputera bergantung kepada tindakan yang diambil. Jadikan AEC peluang keuntungan bagi usahawan Bumiputera.



Selasa, 24 Februari 2015

13. Rizab Bank Negara RM385.9b hingga 13 Februari

KUALA LUMPUR: Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM385.9 bilion (bersamaan AS\$110.5 bilion) setakat 13 Februari 2015.

Mengikut bank pusat itu, paras rizab berkenaan adalah memadai untuk membiayai 7.8 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negara jangka pendek.

Komponen utama rizab antarabangsa itu adalah rizab mata wang asing (AS\$100.9 bilion), kedudukan rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (AS\$0.9 bilion), peruntukan hak pengeluaran khas (AS\$1.9 bilion), emas (AS\$1.4 bilion) dan aset rizab lain (AS\$5.4 bilion).

Jumlah keseluruhan aset Bank Negara adalah RM405.579 bilion.

Aset lain termasuk kertas Kerajaan Malaysia (RM2.325 bilion), deposit dengan institusi kewangan (RM1.663 bilion), pinjaman dan pendahuluan (RM6.56 bilion), hartanah - tanah dan bangunan (RM2.113 bilion) dan aset-aset lain (RM6.989 bilion), kata bank pusat itu dalam satu kenyataan.

Modal dan liabilitinya pula merangkumi modal berbayar (RM100 juta), rizab (RM73.399 bilion), mata wang dalam edaran (RM85.974 bilion), deposit oleh institusi kewangan (RM132.832 bilion), deposit kerajaan Persekutuan (RM11.362 bilion), deposit lain-lain (RM1.818 bilion), kertas Bank Negara (RM79.858 bilion), peruntukan hak pengeluaran khas (RM6.819 bilion) dan liabiliti-liabiliti lain (RM13.415 bilion).



Khamis, 26 Februari 2015

14. CUEPACS harap dapat perhalusi penambahbaikan 252 Skim Perkhidmatan

KLANG: CUEPACS berharap dapat diberi peluang untuk memperhalusi cadangan penambahbaikan 252 Skim Perkhidmatan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum ia dibentangkan ke kabinet serta diumumkan.

, berkata ia bagi mengelakkan daripada timbul perasaan tidak puas hati dalam kalangan kakitangan awam selepas ia diumumkan.

Selain itu, katanya, CUEPACS mahu supaya perjawatan terendah dalam Skim Perkhidmatan Awam iaitu gred 11, diambil kira berikutan fungsi dan tanggungjawab jawatan berkenaan yang berat yang

perlu dipikul penyandanganya.



Khamis, 26 Februari 2015

15. Malaysia catat pelaburan RM235.9b tahun lalu

KUALA LUMPUR: Malaysia mencatat pelaburan sebanyak RM235.9 bilion tahun lalu yang juga rekod tertinggi yang pernah diterima setakat ini, meningkat lapan peratus berbanding RM219.4 bilion pada 2013.

Perkembangan itu juga sekali gus meletakkan negara semakin hampir ke arah sasaran mencapai status ekonomi maju dalam tempoh lima tahun lagi.

Prestasi memberangsangkan pelaburan negara pada 2014 dicapai di sebalik persekitaran mencabar yang menyaksikan penurunan arah aliran pelaburan langsung asing global.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata prestasi pelaburan negara pada tahun lalu mengatasi purata sasaran pelaburan tahunan RM148 bilion yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

"Pelaburan tertinggi ini akan membiayai 5,942 projek diluluskan dan dijangka mewujudkan hingga 178,365 peluang pekerjaan baharu," katanya membentangkan laporan prestasi pelaburan tahunan negara yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) di sini hari ini.

Pelaburan domestik (DDI) menguasai sebahagian besar pelaburan yang diterima sepanjang tahun lalu, membabitkan RM171.3 bilion atau 72.6 peratus.

Pelaburan langsung asing (FDI) pula sebanyak RM64.6 bilion atau 27.4 peratus daripada jumlah pelaburan keseluruhan pada 2014.

Mustapa berkata, pelaburan yang diterima pada 2014 mencerminkan transformasi Malaysia menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi dengan beberapa projek berkualiti dalam teknologi moden serta perkhidmatan pembuatan muncul sebagai projek terbesar tahun lalu.

Sektor pembuatan kekal sebagai daya tarikan terbesar dengan merekodkan sebanyak 5,059 projek diluluskan membabitkan pelaburan berjumlah RM149.6 bilion yang dijangka mewujudkan hingga 98,543 peluang pekerjaan.

"Sektor pembuatan juga terbukti menarik kepada pelabur tahun lalu apabila pelaburan diluluskan melonjak 38 peratus kepada RM71.9 bilion," katanya.

Antara projek berkualiti yang diluluskan pada tahun lalu adalah menerusi pelaburan Infineon bernilai RM4 bilion bagi meningkatkan pengeluaran semikonduktor untuk industri automotif, pengurusan kuasa dan keselamatan perisian.

Kompleks Bersepadu Pengerang yang menelan belanja sebanyak AS\$27 bilion (RM96 bilion) pula dijangka mula beroperasi pada 2019.

Sementara itu, mengikut MIDA, ASEAN akan terus menjadi daya tarikan untuk menarik pelaburan ke negara ini.

Kebanyakan pelaburan yang diterima Malaysia pada tahun lalu datang daripada firma multinasional yang berminat menjadi sebahagian kuasa ekonomi Komuniti Ekonomi ASEAN.

Menuju ke hadapan, Mustapa berkata kerajaan akan terus memperkenalkan pelbagai langkah untuk meningkatkan daya saing negara sepanjang tahun ini.

"Ini termasuklah langkah yang diumumkan pada Bajet 2015 seperti insentif cukai bagi hab prinsipal dan projek dilabur dalam bidang inovasi, teknologi serta membabitkan penghasilan pekerjaan berpendapatan tinggi," katanya.

MIDA menasihatkan menerima pelaburan RM56 bilion dalam sektor pembuatan dan RM64.5 bilion dalam sektor perkhidmatan (tidak termasuk industri hartanah).



Khamis, 26 Februari 2015

16. ETP pelbagaikan asas ekonomi Malaysia - Idris Jala

KUALA LUMPUR: Penguatan ekonomi yang dilaksanakan sejak lima tahun lalu telah meletakkan Malaysia di landasan kukuh untuk terus mencapai pertumbuhan tahun ini, walaupun berdepan keadaan ekonomi luaran tidak stabil.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala, berkata pendekatan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dalam memacu 12 sektor ekonomi utama dan melaksanakan pelbagai reformasi dasar untuk mewujudkan persaingan yang kompetitif dan seimbang telah membawa kepada ekonomi yang lebih rancak dan pelbagai.

Beliau yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) berkata, pendekatan itu juga mengelakkan risiko terlalu bergantung kepada pendapatan daripada hasil minyak dan gas.

"Sebagai bukti, kita sedang menyaksikan perubahan ketara daripada pergantungan kepada hasil minyak dengan pengurangan daripada 35.4 peratus daripada pendapatan keseluruhan kerajaan pada 2010 kepada 29.7 peratus pada 2014, seperti yang diramalkan Unit Perancang Ekonomi (EPU)," katanya pada sesi taklimat pencapaian ekonomi 2014 anjuran PEMANDU di sini hari ini



Khamis, 26 Februari 2015

17. Kerajaan terus perluas asas perolehan negara - Wahid

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan terus memperluas asas perolehan negara untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap hasil daripada sektor minyak dan gas, kata Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab bagi Unit Perancang Ekonomi (EPU) itu berkata, ekonomi yang lebih luas dan pelbagai akan membolehkan negara menghadapi krisis global dengan lebih baik.

"Selama bertahun-tahun, kita telah mempelbagaikan ekonomi kita. Ketika ini, sektor perkhidmatan menyumbang 55 peratus daripada ekonomi kita dan pembuatan (25 peratus), manakala sektor perlombongan dan pertanian hanya 15 peratus.

"Harga minyak mentah rendah akan memberi sedikit kesan pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tetapi jika dilihat pada semakan semula unjuran pertumbuhan KDNK antara 4.5 dan 5.5 peratus, ia masih lebih berwibawa berbanding negara lain di dunia," katanya kepada pemberita selepas Economic Wrap-Up 2014 di sini hari ini.

Perolehan negara daripada sektor minyak dan gas menyaksikan penurunan yang ketara daripada 35.4 peratus daripada jumlah perolehan kerajaan pada 2010 kepada 29.7 peratus pada 2014 seperti dianggarkan oleh EPU.

Mengenai Malaysia sebagai pengerusi ASEAN, beliau berkata terdapat potensi yang besar untuk meningkatkan perdagangan antara ASEAN kepada lebih satu pertiga daripada jumlah perdagangan antarabangsa, daripada kira-kira 25 peratus pada masa ini.

"Kami pastinya teruja mengenai ASEAN. Banyak syarikat multinasional telah mula meluaskan pelaburan mereka di ASEAN seperti Sime Darby, Axiata, Maybank dan CIMB," katanya.